

9

PEMIKIRAN KRITIKAL

Shahrin Hashim

PENGENALAN

Pemikiran adalah aktiviti yang dilakukan oleh manusia hampir setiap masa. Pemikiran secara mudah boleh difahami sebagai apa saja yang berlaku dalam minda kita. Kritis membawa banyak pengertian yang sederhana seperti sangat mendalam, terperinci, mengamati dan sebagainya. Ia juga dimaksudkan sebagai pemahaman secara mendalam dan kritikal bagi mempertingkatkan pemahaman. Pemikiran ini membantu individu menganalisis pernyataan dengan berhati-hati dan mencari bukti yang sah sebelum membuat keputusan.

Definisi Pemikiran Kritis

Pemahaman terhadap pengertian pemikiran kritis harus dilihat daripada pelbagai sudut. Hal ini kerana, pengertian pemikiran kritis itu sesungguhnya amat luas dan dalam. Setiap sarjana sains pemikiran akan memberi pengertian pemikiran kritis berasaskan pengalaman dan kajian yang dijalankan. Definisi yang dinyatakan di bawah dapat memahamkan kita apakah yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis?

Dewey (1933) berpendapat bahawa pemikiran kritis adalah berfikir secara serius (mendalam) dan seterusnya membuat pertimbangan daripadanya. **Bloom** (1956) menghuraikan pemikiran kritis melibatkan aktiviti mental secara analisis, sintesis dan penilaian. Menurut **Nik Aziz** (1994), secara kasar pemikiran kritis ialah pemikiran yang meletakkan logik antara gerak hati dengan tindakan. Pemikiran kritis akan menganalisis isu-isu, tetapi berfikir secara holistik dan melihat

masalah dari berbagai dimensi. Mereka berusaha menyelesaikan masalah dan bukan bergiat mencetuskan pelbagai krisis baru. Manakala Jaafar (1995) berpendapat bahawa pemikiran kritis adalah pemikiran secara sistematik, secara universal dan secara radikal dalam menganalisis sesuatu secara mendalam.

Sintesis Pemikiran Kritis

Secara umum, berdasarkan definisi di atas maka dapatlah disatukan pemahaman tentang pemikiran kritis, iaitu usaha berfikir yang dilakukan untuk diri sendiri (*thinking of oneself*) (Eugene dan James, 1991). Kefahaman ini boleh disatukan berdasarkan beberapa elemen teras iaitu;

- a) Berfikir dengan menggunakan dimensi otak kiri.
- b) Berfikir menggunakan urutan dan hokum logic
- c) Berfikir untuk membuat pertimbangan dan keputusan
- d) Berfikir dengan sikap yang berhati-hati dan mengambil kira risiko dan kesan

Usaha berfikir yang dilakukan untuk diri sendiri (*thinking oneself*) bermaksud setiap individu harus memikirkan sesuatu isu/masalah yang telah, sedang dan akan berlaku berdasarkan pemikiran sendiri, tanpa dipengaruhi oleh pemikiran orang lain. Pemikiran kritis mengajak kita agar berfikir dengan lebih bersistem dan terarah dalam membuat sesuatu keputusan. Dengan kata lain, keputusan yang kita buat bukan berdasarkan pemikiran orang lain. Sebarang bentuk idea, pendapat dan keputusan adalah atas pertimbangan yang tidak berbelah bahagi. Apa yang kita fikirkan; itulah yang kita terima sebagai hakikatnya. Sebaliknya, menurut Nik Aziz (1994) pemikir yang tidak kritis dikawal oleh emosi, prasangka dan kekurangan maklumat. Justeru itu mereka cenderung untuk membuat keputusan secara gopoh-gapah, bertidak secara terburu-buru dan mengemukakan jawapan yang simplistik kepada masalah yang kompleks. Pemikir yang kritis selalunya akan hanyut dalam arus kekeliruan antara realiti dan ideal. Pemikiran kritis menurut Scriven dan Paul (1995) ialah bentuk pemikiran yang sebaris dengan “modes of thinking” yang lain seperti:

- a) Pemikiran saintifik
- b) Pemikiran matematikal

- c) Pemikiran historical
- d) Pemikiran ekonomikal
- e) Pemikiran moral
- f) Pemikiran kefalsafahan

Pemikiran Kritis Rendah

Pemikiran kritis rendah hanya sekadar melibatkan proses kognitif (kemahiran mikro) yang sederhana. Dengan menggunakan kemahiran kritis mikro minda sekadar menerbitkan semula maklumat/data/pernyataan dan sebagainya yang telah sedia ada. Minda hanya memilih, mengasingkan, memastikan perbezaan dan kelainan yang wujud dalam satu-satu kategori atau kumpulan dan antaranya seperti:

- a) membanding dan membeza
- b) membuat kategori
- c) membuat bahagian-bahagian kecil dan keseluruhan
- d) menerangkan sebab

Pemikiran Kritis Tinggi

Pemikiran kritis tinggi melibatkan proses kognitif (kemahiran mikro) dan metakognitif (thinking about thinking). Pemikiran ini, tidak hanya menggunakan kemahiran mikrokritis, ia ditambah dengan kemahiran metakognitif menerusi daya taakulan (reasoning). Kita perlu mengupas, memperinci dan mengesahkan sesuatu maklumat/pernyataan atau apa jua perkara dengan spesifik dan terarah. Agar daripadanya kita dapat menghindarkan pemikiran kita daripada sebarang idea yang tidak konsisten dari segi logik, dan antaranya seperti;

- a) membuat ramalan
- b) mengusul periksa andaian
- c) membuat inferens
- d) mengesahkan sumber maklumat
- e) membuat generalisasi dan
- f) mencari sebab dan membuat kesimpulan

Kemahiran Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis melaksanakan tanggungjawab yang sangat rapi, terarah dan bersistem. Apa jua yang dicerap oleh pancaindera-maklumat, fenomena, isi, perkara, benda akan menjalani proses saringan pada tahap sensasi dan persepsi. Pemikiran kritis akan memainkan peranan utama sesuai dengan kehendak dan objektif kita.

Memahami dan Menilai Sesuatu Konsep dan Pengertian

Konsep dan pengertian dua elemen yang penting. Pengertian merupakan subset kepada konsep. Sejak kecil hingga dewasa kita di keliling dengan pelbagai konsep. Kita belajar dan memahami konsep-konsep mudah dan kompleks. Ada ketika, kita menggunakan konsep-konsep berkenaan dalam kehidupan seharian seperti di kelas, tempat kerja, di kedai, di jalan raya dan sebagainya.

Konsep-konsep yang terdapat di sekeliling kita ada yang bersifat setempat dan global. Ada juga yang penggunaannya amat sempit dan hanya difahami oleh kaum tertentu, misalnya konsep 'Feng-Shui'. Konsep ini hanya difahami oleh kaum Cina, itu pun tidak merata. Untuk dapat memahami sesuatu konsep itu, seorang mestilah mampu mentafsirkannya dan membina satu pengertian daripadanya. Konsep 'Jati Diri', misalnya satu konsep yang amat abstrak untuk difahami. Kalau kita hendak mengetahui maksudnya kita bertanya kepada orang yang lebih mengetahuinya atau terus sahaja merujuk kamus yang berkaitan dengan konsep berkenaan. Akhirnya, kita akan dapat memahami dan mentafsirkan makna konsep berkenaan. Justeru itu, menerusi pemikiran kritis seseorang itu akan memperoleh konsep yang benar.

Perbezaan antara pemikiran kreatif dan pemikiran kritis

Seperti yang dapat dilihat daripada jadual di atas, pemikiran kreatif dan kritis ditandai oleh ciri-ciri yang berbeza dan menekankan aspek-aspek yang berbeza. Misalnya pemikiran kreatif bersifat genaratif, iaitu berminat mengenal pasti sebanyak mungkin jalan penyelesaian sementara pemikiran kritis bersifat selektif, iaitu menekankan pemilihan jalan penyelesaian yang terbaik. Dalam proses penyelesaian masalah dan membuat keputusan kedua-dua gaya pemikiran ini

diperlukan. Sesuatu masalah tidak akan berjaya diselesaikan jika hanya bergantung kepada cadangan-cadangan kreatif. Cadangan-cadangan kreatif perlu dinilai, diteliti dan dipertimbangkan dengan menggunakan pemikiran kritis sebelum ia dapat dilaksanakan. Penilaian, penelitian dan pertimbangan yang dibuat boleh menghasilkan idea kreatif yang lebih bermutu.

Dalam usaha mereka bentuk sebuah bangunan komersial misalnya, pereka bentuk boleh mengaplikasikan pemikiran kritis dengan meninjau aspek-aspek kelemahan, keceatan dan kekurangan reka bentuk bangunan komersial yang sedia ada. Hasil tinjauan ini mungkin dapat menunjukkan kelemahan dalam aspek reka bentuk bangunan terbabit secara keseluruhan, dalam aspek mesra pengguna, ancaman cuaca dan sebagainya. Mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang sedia ada secara kritis dapat membantu pereka bentuk menghasilkan reka bentuk yang lebih baik.

Sesuatu masalah juga tidak akan berjaya diselesaikan jika kita hanya bergantung kepada pemikiran kritis. Sikap kritis yang keterlaluan dapat membunuh kreativiti dan akibatnya cadangan-cadangan baru yang bernas dan berpotensi bagi menyelesaikan masalah dengan berkesan akan hilang begitu sahaja. Bayangkan suatu mesyuarat bagi menyelesaikan masalah kutipan derma untuk tabung PIBG yang dihadiri oleh pemikir-pemikir yang bersifat terlalu kritis. Besar kemungkinan kandungan mesyuarat ini hanya tertumpu kepada kritikan-kritikan negatif berkenaan cara-cara kutipan derma yang sudah dibuat, dan bukannya memikirkan cara-cara baru kutipan derma dapat dilakukan. Jika sesiapa ada memberi cadangan-cadangan baru, ia akan dikritik dengan serta merta tanpa melihatnya daripada sudut positif.

Disebabkan sifat penilaian yang dikaitkan dengan pemikiran kritis, ramai yang menyalah tafsirnya sebagai suatu aktiviti mengkritik semata-mata, iaitu mencari kesilapan, kesalahan dan kelemahan. Mengkritik sebenarnya adalah suatu bahagian kecil pemikiran kritis. Oleh itu, mendefinisikan pemikiran kritis sebagai suatu aktiviti mengkritik semata-mata adalah tidak tepat. Bagi Ramai pakar pemikir, pemikiran kritis merangkumi aktiviti-aktiviti berfikir yang jauh lebih luas. Pemikiran kritis melibatkan pemikiran yang mendalam dan memberi pertimbangan yang serius kepada sesuatu. Bagi Bassham (2002), pemikiran kritis meliputi pelbagai kemahiran kognitif dan intelektual yang diperlukan bagi mengenal pasti, menganalisis dan menilai sesuatu idea dengan berkesan, bagi mencari dan mengelakkan prejudis peribadi dan bias, membuat formulasi dan membentangkan sebab-sebab yang meyakinkan bagi menyokong sesuatu

kesimpulan, dan membuat keputusan yang wajar dan bernas pada apa yang harus dipercayai dan ada yang harus dilakukan.

Kesimpulannya, pemikiran kritis bukannya suatu pemikiran yang bersifat negatif. Sebaliknya ia adalah suatu pemikiran yang berdisiplin yang didasari oleh standard-standard intelektual yang jelas.

KELEBIHAN PEMIKIRAN KRITIS

Pemikiran otak kiri, iaitu otak kritis banyak manfaat dan hikmahnya. Sayangnya masih ramai yang kurang menyedari akan kelebihan pemikiran ini. Walaupun, setiap hari kita berhadapan dengan masalah yang memerlukan penyelesaian secara kritis, tetapi skema kritis itu tidak digunakan secara optimum (Jadual 4.1). Ramai sarjana seperti Jaafar (1995), Ainon dan Abdullah (1996), Mohd Micheal (1995) yang memperkatakan tentang kelebihan pemikiran kritis ini. Sesungguhnya banyak kelebihan memiliki pemikiran kritis.

Faedah Berfikir secara Kritis

Seperti kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran berfikir secara kritis membawa pelbagai faedah. Ia bermanfaat bukan sahaja dalam kehidupan harian, tetapi juga dalam pekerjaan dan pembelajaran. Ia membantu kita membuat penilaian, keputusan dan menyelesaikan masalah dengan berkesan.

Faedah Berfikir Secara Kritis Dalam Kehidupan Harian

Dalam kehidupan harian, pemikiran kritis membantu kita mengelakkan melakukan kesilapan semasa membuat keputusan. Semua orang harus membuat keputusan daripada yang kecil seperti baju mana yang perlu dipakai kepada yang besar seperti rumah apa yang mesti dibeli. Lazimnya, keputusan kita dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Contoh faktor dalaman adalah sikap, persepsi, konsep diri, estim dan kepintaran. Contoh faktor luaran adalah orang-orang di sekeliling kita, peraturan, undang-undang dan keadaan persekitaran. Kadangkala factor-factor ini menyebabkan kita menerbitkan keputusan-keputusan yang salah. Estim diri yang

rendah contohnya mendorong kepada keputusan-keputusan yang merugikan. Seorang suri rumah yang tidak yakin dengan penampilan dirinya mungkin lebih gemar mengurung diri di rumah dan mengelakkan perjumpaan social seperti kenduri, makan malam bersama rakan-rakan dan sebagainya. Akibatnya, beliau tidak berpeluang mengeratkan hubungan dengan orang lain dan merasa tersisih.

Orang di sekeliling kita juga mempengaruhi keputusan yang kita buat. Ada yang mempengaruhi keputusan kita secara sedar seperti pengutip derma dan jurujual. Ada juga yang mempengaruhi pemikiran kita secara halus. Pengiklan dan ahli-ahli politik amat mahir dalam menggunakan strategi-strategi yang begitu halus bagi mempengaruhi pemikiran kita. Jurujual contohnya memberi pelbagai alasan kepada kita mengapa kita harus membeli produk yang dijual. Pengiklan pula menggunakan pelbagai strategi seperti menggunakan model-model yang cantik dan seksi dalam iklan-iklan mereka ataupun dengan menakutkan kita dengan pelbagai masalah sekiranya kita tidak membeli produk yang diiklankan. Semua ini mendorong kita menghasilkan keputusan yang tidak ingini sekiranya kita tidak memiliki asas yang kuat dalam berfikir secara kritis. Mengaplikasikan teknik-teknik berfikir secara kritis seperti menimbang sesuatu secara menyeluruh dengan minda yang terbuka dan menilai kejituan sesuatu hujah dapat membantu kita lebih yakin dengan apa yang kita lakukan dan membawa kepada keputusan yang lebih berkesan berdasarkan bukti-bukti yang konkrit dan jelas.

KESIMPULAN

Pemikiran kritis dipunyai oleh setiap daripada kita. Cuma darjah kritis seseorang itu agak berbeza. Pemikiran kritis penting kepada diri seseorang, agar ia sendiri dapat mengenal pasti arah dan hala tuju ia berfikir dan kemudian dalam masa yang sama dapat memberi focus pada yang sepatutnya difikirkan. Menerusinya, kita akan lebih defensive, ofensif dan provokatif dalam menilai sesuatu. Kita tidak menerima bulat-bulat, hatta sesuatu yang dinyatakan itu datangnya daripada sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Ini adalah kerana kesilapan logik boleh berlaku pada mana-mana bahagian yang kita tidak jangka.

RUJUKAN

- Ab. Fatah Hasan 1994. *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Alderfer, C. (1972). *Existence, relatedness, & growth*. New York: Free Press.
- Anita Woolfolk. (2004). *Educational Psychology*. 9th Edition. Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Arkes, H.A. (1982). *Psychological Theories of Motivation*. Belmont, California: Wadworth.
- Azizi Yahaya; Asmah Suboh; Zurihanmi Zakaria; Fawziah Yahya (2005). “Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan” Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.
- Best J.B. (1999). “Cognitive Psychology (5th Ed.)” United States of America : Brace.
- Buzan, T (1989). *Use your Head*. London: BBC Books.
- Connell ,W.F . (1981) . Asas Pendidikan . Kula Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Darley, John M., Glucksberg, Sm., Kinchla. Ronald A.,(1986) *Psychology*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc
- Derek Torrington, Jane Weighvman (1989). *Effective Management:People and Organisation*. New York; Prentice- Hall, Inc.
- Ee Ah Meng (1996), *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Eggen, P. & Ksuchak, D. (2001). “Educational Psychology Windows On Classrooms”. 5th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Flavell J.H. (1977). “Cognitive Development” New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. 4th Edition. New York : Holt, Rinehart & Winston.
- Gross, R. (2001). “Psychology The Science Of Mind And Behaviour”. 4th Edition. London : British Library Cataloguing in Publication Data.
- Hergenhahn, B.R. & Matthew Olson. (2001). *An Introduction to Theories of Learning*. 6th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Prentice Hall.
- Hergenhahn, B.R. (1980). *An Introduction to theories of personality*. New Jersey: